

# Ghafar: Umno jadi alat untuk rakyat

**PENGERUSI** Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan, Encik Ghafar Baba menegaskan, Umno adalah alat kepentingan rakyat dan negara, bukan untuk kepentingan sesuatu pihak.

Bellau menegaskan demikian di perhimpunan berpuhul ribu rakyat di Stadium Jalan Raja Muda, sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Wilayah Persekutuan, hari ini.

"Umno adalah alat menentang Malayan Union, Umno dijadikan alat untuk menyatupadukan semua kaum. Umno dijadikan alat untuk menuntut kemerdekaan, Umno dijadikan alat untuk mengekalkan demokrasi dan Umno menjadi alat meletakkan Raja-Raja sebagai raja berperlembagaan," ujarnya.

Encik Ghafar berkata, Umno akan meneruskan perjuangannya demi kepentingan rakyat.

Tetapi, katanya, kerjasama kerajaan dan rak-

**KUALA LUMPUR, Sabtu**

yat adalah penting untuk mencapai segala yang dicita-citakan.

Bellau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana berjaya menyelesaikan masalah pindaan Perlembagaan negara dengan bijaksana.

"Kita berhutang budi kepada Perdana Menteri dan Raja-Raja yang dapat menyelesaikan perkara itu," ujarnya.

Berasaskan pengalaman beliau berkata, banyak masalah besar yang dapat diselesaikan sebelum ini.

Sebagai contoh, katanya, Kerajaan dapat menghapuskan komunis, mengurangkan semangat perkauman dan menyelesaikan konfrontasi.

Malaysia, katanya, tergolong kepada negara yang bernasib baik. Dibandingkan dengan negara lain, banyak yang telah musnah akibat peperangan senjata atau sebagainya.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Samad pula mengajak rakyat supaya melupakan perkara yang telah berlaku berhubung dengan pindaan perlembagaan negara.

Bellau berkata, Wilayah Persekutuan bernasib baik kerana dipilih sebagai tempat terakhir dalam lawatan Perdana Menteri ke negeri-negeri dan menjejaskan perkara itu.